



**FAKTOR DEMOGRAFI DAN KEKANGAN MENGGUNAKAN
BAHAN SUMBER KEMAHIRAN BERFIKIR
ARAS TINGGI DALAM KALANGAN
GURU EKONOMI**

NUR FITAH BINTI JAAFAR



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017





ABSTRAK

Tujuan kajian dijalankan adalah untuk menentukan hubungan antara faktor demografi guru dengan kekangan menggunakan bahan sumber KBAT di sekolah. Reka bentuk kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan melalui pengedaran borang soal selidik telah dipilih bagi menyempurnakan kajian ini. Teknik *Total Population Sampling* digunakan dalam proses pengumpulan data kajian. Seramai 31 orang guru yang mengajar mata pelajaran ekonomi daripada 16 buah sekolah menengah di seluruh Daerah Batang Padang, Perak telah terlibat secara langsung. Data yang diperoleh telah diproses dengan menggunakan Program SPSS Versi 23.0 yang melibatkan analisis deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan faktor jantina, pengkhususan dan tempoh perkhidmatan guru mempunyai perbezaan signifikan terhadap kekangan keupayaan guru. Berikutnya, hubungan positif yang signifikan pula ditunjukkan oleh faktor tempoh perkhidmatan dengan kekangan masa guru. Kesimpulannya, wujud hubungan antara faktor demografi dengan kekangan dari segi keupayaan guru dalam menggunakan bahan sumber KBAT di sekolah. Oleh yang demikian, KPM haruslah memberi perhatian khusus kepada isu ini agar keupayaan guru dapat dipertingkatkan pada masa hadapan. Implikasi kajian adalah, guru dapat menggunakan bahan sumber KBAT secara optimum ketika PdP sedang berlangsung apabila kekangan keupayaan diminimumkan. Selain itu, ia juga menjadi nilai tambah kepada pengetahuan sedia ada yang berkaitan dengan KBAT dan faktor demografi. Melalui KBAT, pulangan pendidikan yang setimpal juga akan dapat dinikmati dalam jangka masa panjang apabila kognitif rakyat meningkat.





DEMOGRAPHIC FACTORS AND CONSTRAINTS ON USING HIGHER ORDER THINKING SKILLS MATERIAL AMONG ECONOMIC TEACHERS

ABSTRACT

Purpose of the study is to identify the relationship between teacher's demographic factors and constraints on using HOTS material in school. A quantitative research design by using survey method through questionnaire was selected to complete this study. Total Population Sampling was used in the process of data gathering. 31 Economic teachers from 16 secondary schools in Batang Padang District, Perak had participated in this study. The data was processed by using SPSS Version 23.0, which involved descriptive and inference analysis. The result shows that the factors of gender, option and length of service are significantly different on capability constraint. On the other hand, a significant relationship shows on the length of service toward time constraint. As a conclusion of this study, there is a relationship between demographic factors and teachers capability constraint. Thus, KPM should focus more on this issue in order to upgrade teachers capability in future. For the implication of this study to teachers, HOTS material can be optimally used during lesson by minimizing the constraint. Apart, its will be a value added to our education knowledge of HOTS on demographic factors and constraints. Return on education can be benefited in the long run by increasing the cognitive level of nation through HOTS.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	5
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Soalan Kajian	8
1.7 Hipotesis Kajian	9
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	11
1.9 Kepentingan Kajian	12
1.10 Batasan Kajian	13



1.11 Definisi Operasional	14
1.11.1 Pengkhususan Guru	14
1.11.2 Tempoh Perkhidmatan Guru	14
1.11.3 Kekangan Masa	15
1.11.4 Kekangan Keupayaan Guru	15
1.11.5 Kekangan Prasarana	16
1.11.6 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	16
1.11.7 Bahan Sumber KBAT	17
1.12 Rumusan	17

BAB 2 KAJIAN LITERATUR 18

2.1 Pengenalan	18
----------------	----

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	2.2 Teori Kekangan untuk Pendidikan	19
--	-------------------------------------	----

2.3 Teori Taksonomi Bloom	20
---------------------------	----

2.4 Teori Taksonomi Bloom Semakan Semula	23
--	----

2.5 Bahan Sumber KBAT di Sekolah	24
----------------------------------	----

2.6 Kekangan Masa dalam Penggunaan KBAT	25
---	----

2.7 Kekangan Keupayaan Guru dalam Penggunaan KBAT	27
---	----

2.8 Kekangan Prasarana dalam Penggunaan KBAT	31
--	----

2.9 Faktor Demografi Guru dalam Dunia Pendidikan	33
--	----

2.10 Kerangka Teoretikal Kajian	38
---------------------------------	----

2.11 Rumusan	39
--------------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 41

3.1 Pengenalan	41
----------------	----

3.2	Rekabentuk Kajian	42
3.2.1	Populasi dan Sampel Kajian	43
3.3	Teknik Pensampelan	43
3.4	Instrumen Kajian	44
3.4.1	Bahagian A: Demografi Guru	45
3.4.2	Bahagian B: Jenis Kekangan yang dihadapi oleh Guru dalam Menggunakan Bahan Sumber KBAT di Sekolah	46
3.5	Kesahan Instrumen	47
3.5.1	Kesahan Muka (<i>Face Validity</i>)	48
3.5.2	Kesahan Kandungan (<i>Content Validity</i>)	49
3.5.3	Kajian Rintis	50
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	51
3.7	Prosedur Kajian	53
3.8	Kaedah Penganalisisan Data	56
3.8.1	Analisis Deskriptif	56
3.8.2	Analisis Inferensi	57
3.9	Rumusan	61

BAB 4 ANALISIS DATA 62

4.1	Pengenalan	62
4.2	Penyemakan Data Sebenar	63
4.2.1	Ujian Normaliti bagi Faktor Kekangan Masa	64
4.2.2	Ujian Normaliti bagi Faktor Kekangan Keupayaan Guru	65
4.2.3	Ujian Normaliti bagi Faktor Kekangan Prasarana	66

4.3	Profil Responden Kajian	67
4.4	Analisis Deskriptif	68
4.4.1	Perbezaan Nilai Min oleh Faktor Jantina terhadap Kekangan Masa, Keupayaan dan Prasarana	68
4.4.2	Perbezaan Nilai Min oleh Faktor Pengkhususan Guru terhadap Kekangan Masa, Keupayaan dan Prasarana	71
4.4.3	Perbezaan Nilai Min oleh Faktor Tempoh Perkhidmatan Guru terhadap Kekangan Masa, Keupayaan dan Prasarana	74
4.5	Analisis Inferensi	77
4.5.1	Ujian-t Sampel Bebas terhadap Kekangan Masa, Keupayaan dan Prasarana berdasarkan Jantina Guru	78
4.5.2	Ujian-t Sampel Bebas terhadap Kekangan Masa, Keupayaan dan Prasarana berdasarkan Pengkhususan Guru	82
4.5.3	Ujian ANOVA Sehalu terhadap Kekangan Masa, Keupayaan dan Prasarana berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	86
4.5.4	Ujian Korelasi Pearson terhadap Kekangan Masa, Keupayaan Guru dan Prasarana berdasarkan Tempoh Perkhidmatan Guru	91
4.6	Rumusan	93

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN 94

5.1	Pengenalan	94
5.2	Perbincangan	95
5.2.1	Objektif Kajian 1: Perbezaan Skor Min antara Jantina, Pengkhususan dan Tempoh Perkhidmatan Guru terhadap Kekangan Masa,	95



Keupayaan dan Prasarana dalam Menggunakan Bahan Sumber KBAT di Sekolah

5.2.2	Objektif Kajian 2: Perbezaan yang Signifikan antara Jantina, Pengkhususan dan Tempoh Perkhidmatan Guru terhadap Kekangan Masa, Keupayaan dan Prasarana dalam Menggunakan Bahan Sumber KBAT di Sekolah	97
5.2.3	Objektif Kajian 3: Hubungan yang Signifikan antara Tempoh Perkhidmatan Guru dengan Kekangan Masa, Keupayaan dan Prasarana dalam Penggunaan Bahan Sumber KBAT di Sekolah	99
5.3	Implikasi	100
5.4	Kesimpulan	102
5.5	Cadangan	103





SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Kajian
- B Kesahan Pakar Kandungan
- C Kesahan Pakar Bahasa
- D Kelulusan untuk Menjalankan Kajian di Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia
- E Permohonan Enrolmen Guru kepada PPD Batang Padang, Perak
- F Kelulusan untuk Menjalankan Kajian di Sekolah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Batang Padang, Perak
- G Senarai Nama Sekolah yang Menawarkan Mata pelajaran Ekonomi Asas dan Ekonomi di seluruh Daerah Batang Padang, Perak



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Item dalam Soal Selidik Kajian	45
3.2	Jadual Saiz Pekali Korelasi dan Interpretasi	60
3.3	Kaedah Pengujian Statistik	60
4.1	Keputusan Ujian Normaliti bagi Kekangan Masa	64
4.2	Keputusan Ujian Normaliti bagi Kekangan Keupayaan Guru	65
4.3	Keputusan Ujian Normaliti bagi Kekangan Prasarana	66
4.4	Kekerapan dan Peratus bagi Responden Kajian	67
4.5	Skor Min Faktor Jantina terhadap Kekangan Masa	69
4.6	Skor Min Faktor Jantina terhadap Kekangan Keupayaan	70
4.7	Skor Min Faktor Jantina terhadap Kekangan Prasarana	71
4.8	Skor Min Faktor Pengkhususan terhadap Kekangan Masa	72
4.9	Skor Min Faktor Pengkhususan terhadap Kekangan Keupayaan	73
4.10	Skor Min Faktor Pengkhususan terhadap Kekangan Prasarana	73
4.11	Skor Min Faktor Tempoh Perkhidmatan terhadap Kekangan Masa	75



4.12	Skor Min Faktor Tempoh Perkhidmatan terhadap Kekangan Keupayaan Guru	76
4.13	Skor Min faktor Tempoh Perkhidmatan terhadap Kekangan Prasarana	77
4.14	Analisis Ujian- t bagi Faktor Jantina Guru terhadap Kekangan Masa	79
4.15	Analisis Ujian- t bagi Faktor Jantina Guru terhadap Kekangan Keupayaan	80
4.16	Analisis Ujian- t bagi Faktor Jantina Guru terhadap Kekangan Prasarana	81
4.17	Analisis Ujian- t bagi Faktor Pengkhususan Guru terhadap Kekangan Masa	83
4.18	Analisis Ujian- t bagi Faktor Pengkhususan Guru terhadap Kekangan Keupayaan Guru	84
4.19	Analisis Ujian- t bagi Faktor Pengkhususan Guru terhadap Kekangan Prasarana	85
4.20	Analisis Ujian ANOVA Sehalu bagi Faktor Tempoh Perkhidmatan Guru terhadap Kekangan Masa	87
4.21	Analisis Ujian ANOVA Sehalu bagi Faktor Tempoh Perkhidmatan Guru terhadap Kekangan Keupayaan	88
4.22	Ujian <i>Post-Hoc Tukey HSD</i> bagi Faktor Tempoh Perkhidmatan terhadap Kekangan Keupayaan	89
4.23	Analisis Ujian ANOVA Sehalu bagi Faktor Tempoh Perkhidmatan Guru terhadap Kekangan Prasarana	90
4.24	Ujian Korelasi terhadap Kekangan Masa, Keupayaan Guru dan Prasarana berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	92



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	11
3.1	Prosedur Kajian	55
4.1	Keputusan <i>Normal Probability Plot</i> bagi Kekangan Masa	64
4.2	Keputusan <i>Normal Probability Plot</i> bagi Kekangan Keupayaan Guru	65
4.3	Keputusan <i>Normal Probability Plot</i> bagi Kekangan Prasarana	66





SENARAI SINGKATAN

ASCD	<i>Association for Supervision and Curriculum Development</i>
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
IEA	<i>International Association for the Evaluation of Education Achievement</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
PCG	Bantuan Geran Per Kapita
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PISA	<i>Programme for International Students Assessment</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
TIMSS	<i>Trends in Mathematics and Science</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>





BAB 1

PENGENALAN



Pendidikan di Malaysia kini sangat menitikberatkan keberhasilan murid bagi mewujudkan modal insan yang berdaya saing di peringkat global. Muhammad Hisyam (2005) menjelaskan modal insan yang dikenali sebagai sumber pembangunan manusia adalah penting bagi sesebuah negara untuk mencorakkan hala tuju ke arah wawasan yang disasarkan. Menurut beliau lagi, tanpa sumber manusia yang berkualiti sesebuah negara akan menjadi lemah disebabkan ketiadaan faktor manusia yang menjadi pencetus kepada inisiatif baru dalam kegiatan sosioekonomi. Oleh itu, kerajaan Malaysia memberi penekanan serius terhadap kualiti keberhasilan murid seawal di alam persekolahan lagi.





Langkah bagi menambah baik kualiti keberhasilan murid telah diberi perhatian oleh kerajaan dengan merombak pelan pendidikan negara. Pada tahun 2013, kerajaan telah memperkenalkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi meningkatkan kualiti keberhasilan murid. KBAT dapat dilaksanakan melalui proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Justeru, kesediaan guru dalam melaksanakan KBAT semasa pengajaran dan pembelajaran menjadi tunjang bagi menghasilkan modal insan yang berwibawa kepada negara kelak. Pelbagai usaha rapi termasuklah peruntukan kewangan kepada sektor pendidikan, latihan, kursus, program-program yang berkaitan telah dirangka dan dilaksanakan bagi memastikan keberhasilan murid dapat dicapai pada tahap maksimum.



cabaran dalam melaksanakan KBAT di sekolah. Oleh yang demikian, bagi memurnikan lagi pelaksanaan tersebut, penelitian terhadap permasalahan yang dihadapi oleh tenaga pengajar khususnya para guru di sekolah wajar diberi tumpuan agar penambahbaikan dapat dijalankan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kerajaan Malaysia telah banyak membuat pelaburan pendidikan sejak negara mencapai kemerdekaan. Laporan PPPM, menyatakan bahawa seawal tahun 1980-an Malaysia merupakan negara yang memperuntukkan perbelanjaan yang tertinggi dalam bidang





pendidikan di Asia Timur. Peruntukkan kewangan ini berterusan saban tahun sehingga tahun 2011, iaitu sebanyak 3.8% daripada KDNK telah disalurkan kepada sektor pendidikan dan ia merupakan peruntukkan yang tertinggi berbanding sistem pendidikan berprestasi tinggi di Singapura, Jepun dan Korea Selatan. Seterusnya, pada tahun 2012, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM36 bilion atau 16% daripada jumlah bajet kerajaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Berikutnya, Laporan Peruntukan Bajet (2016), sektor sosial telah menerima peruntukan bajet sebanyak RM13.1 bilion yang merangkumi bidang pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan serta kesejahteraan masyarakat. Menurut Grilliches (1970), Blaug (1976), Psacharopoulos (1985) dan Schultz (2002), mereka menjelaskan pelaburan dalam pendidikan dapat memberi pulangan yang tinggi dalam bentuk upah melalui peningkatan produktiviti pekerja dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup seseorang individu.



Menurut Psacharopoulos dan Patrinos (2004), modal manusia yang berkualiti dan produktif adalah hasil daripada pelaburan pendidikan yang menjadi insentif kepada individu untuk meningkatkan tahap pendidikan kepada yang lebih tinggi. Di samping itu, Siphambe (2000) mendapati kadar pulangan pendidikan di negara Botswana mempunyai hubungan positif dengan tahap pendidikan yang diterima oleh mereka. Justeru, jumlah perbelanjaan negara dalam bidang pendidikan jelas menunjukkan komitmen kerajaan terhadap bidang ini sebagai satu keutamaan negara.

Dalam kes Malaysia; biarpun kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar bajet bagi pembangunan sektor pendidikan, namun Laporan PPPM menyatakan bahawa pulangan pelaburan pendidikan yang terhasil sehingga kini masih belum mencapai tahap yang diharapkan. Hal ini dibuktikan melalui keputusan pentaksiran *Trends in*





Mathematics and Science (TIMSS) dan *Programme for International Students Assessment* (PISA) yang masing-masing disertai oleh negara Malaysia sejak tahun 1999 dan 2009. Menurut *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) 2014, kedudukan Malaysia dalam pentaksiran PISA 2012 adalah pada tangga yang ke-52 daripada 65 buah negara dan tergolong dalam satu per tiga negara yang mempunyai skor terendah. Skor yang diperoleh Malaysia pada tahun 2012 adalah sebanyak 398 mata yang mana ianya berada di bawah skor purata antarabangsa (494) dan di bawah skor purata yang ditetapkan oleh OECD iaitu sebanyak 496. Begitu juga dengan kedudukan Malaysia dalam Pentaksiran TIMSS pada tahun 2011. Kedudukan Malaysia berada di bawah skor purata antarabangsa dan juga berada di bawah skor purata yang ditetapkan oleh *International Association for the Evaluation of Education Achievement* (IEA). Justeru, keadaan ini telah memberi satu suntikan pemangkin kepada kerajaan untuk memperbaiki kedudukan Malaysia dalam Pentaksiran TIMSS dan PISA pada masa akan datang dengan menduduki kelompok satu per tiga teratas menjelang tahun 2025.

Oleh yang demikian, kerajaan telah membina sebuah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2015) sebagai inisiatif bagi merealisasikan hasrat tersebut. Melalui PPPM ini, kerajaan telah memperkenalkan KBAT kepada dunia pendidikan di Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) mentakrifkan KBAT sebagai penggunaan minda secara meluas bagi membolehkan murid melakukan proses menaksir, menganalisis atau memanipulasikan maklumat untuk menjawab soalan atau menyelesaikan masalah. Menurut Laporan PPPM, murid perlu mempunyai keupayaan menaakul, membuat unjuran, dan mengaplikasikan pengetahuan secara kreatif dalam suasana baharu yang berlainan serta mempunyai ciri kepimpinan untuk bersaing di





peringkat global. Menurut Pogrow (2005), KBAT dilihat sebagai satu mekanisme penting yang dapat menjadikan pelajar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran ketika bekerja dan kehidupan harian mereka apabila dewasa kelak.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Berikutan itu, Kementerian Kewangan Malaysia menyatakan dalam Laporan Ekonomi 2013/2014, pelbagai program dan inisiatif termasuk program KBAT, Program Jejak Inovasi, Anugerah Cipta 1Malaysia (C1PTA), Program Genovasi, Program Gigih, Program International Baccalaureate (IB), dan Bakat Malaysia telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi memupuk budaya berfikir dalam kalangan rakyat Malaysia. Tambahan itu, bagi memastikan penerapan dan pembudayaan KBAT di sekolah berlaku dengan jayanya, program *i-Think*, *VLE Frog* dan pengaplikasian kaedah pembelajaran abad ke-21 diperkenalkan secara meluas di setiap sekolah di seluruh negara. Pelbagai kursus dan latihan yang berkaitan diberikan secara intensif kepada para guru dan pelajar bagi tujuan peningkatan kualiti dan keberhasilan murid. Laporan Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan (2013), menyatakan selain kos latihan dan kursus yang disediakan kepada seluruh warga pendidik dan pelajar, kos projek 1BESTARINET sebanyak RM 663 juta yang bermula pada tahun 2011 sehingga tahun 2014 juga merupakan suatu pelaburan yang besar dalam bidang pendidikan.

Usaha-usaha dalam menjayakan proses transformasi pendidikan ini tidak seharusnya dipandang enteng kerana pelaburannya bukanlah sedikit bagi negara.





Namun demikian, masih terdapat beberapa isu yang menjadi kekangan terhadap pelaksanaan KBAT telah dikenal pasti dalam usaha merealisasikan hasrat tersebut. Menurut Rajendran (2001), guru yang mengikuti kursus KBAT percaya yang mereka tidak bersedia untuk mengajar KBAT kerana kemahiran berfikir ini memerlukan guru untuk memiliki pengetahuan yang luas dan perlu menghasilkan bahan soalan yang berunsurkan bukan rutin. Seterusnya isu yang wujud dalam kalangan pelajar pula adalah berkaitan dengan penglibatan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya bagi pelajar lemah. Keadaan pelajar yang pasif semasa pengajaran dan pembelajaran menyebabkan KBAT tidak dapat dilaksanakan dengan lancar.

Laporan *UPSI Education Research Laboratory* (2015), menyatakan bahawa masih banyak isu yang berkaitan dengan guru perlu diberi perhatian agar KBAT dapat dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu, kajian oleh Tan dan Siti Hajar (2015) juga mendapati negara Malaysia masih terbelenggu dengan kekangan dalam penggunaan KBAT di sekolah. Selain itu, Laporan PPPM (2013) juga menyatakan bahawa, pulangan pelaburan pendidikan yang terhasil sehingga kini masih belum mencapai tahap yang diharapkan. Oleh yang demikian, bagi memaksimumkan setiap ringgit yang telah dilaburkan oleh negara kita, maka langkah untuk memurnikan pelaksanaan KBAT di Malaysia adalah wajar terutamanya yang melibatkan para pendidik.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengkaji mengadaptasi beberapa jenis kekangan yang bersesuaian ke dalam kajian ini bagi meninjau sama ada terdapat perkaitan antara faktor demografi terhadap kekangan masa, keupayaan guru dan prasarana dalam penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah atau sebaliknya. Selain itu, kajian ini juga akan melihat hubungan antara faktor demografi dan kekangan-





kekangan yang dihadapi oleh para guru. Faktor demografi yang akan dikaji adalah jantina guru, pengkhususan guru dan tempoh perkhidmatan guru.

Memandangkan kajian ini adalah kajian *exploratory* bagi faktor demografi terhadap kekangan, justeru kajian lampau mengenainya masih lagi terbatas di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian mengenai kekangan terhadap penggunaan bahan sumber KBAT berdasarkan faktor demografi guru adalah wajar dilaksanakan bagi melihat perkaitan antara kedua-dua pemboleh ubah sama ada ia mempunyai perkaitan yang signifikan atau sebaliknya. Di samping itu, faktor demografi juga dilihat berkemungkinan menjadi salah satu faktor yang menghalang para guru untuk melaksanakan KBAT dengan sebaiknya di sekolah. Sekiranya aspek guru ini tidak diberi penelitian, maka kualiti pengajaran dan pembelajaran boleh terjejas. Secara tidak langsung ia juga akan menjejaskan matlamat pendidikan negara untuk meningkatkan keberhasilan murid agar mampu saing di peringkat global.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dapat mengenal pasti perkaitan antara faktor demografi guru yang terdiri daripada jantina, pengkhususan dan tempoh perkhidmatan dengan kekangan (masa, keupayaan guru dan prasarana) dalam penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah. Selain itu, kajian ini juga dapat menentukan hubungan antara faktor demografi dengan kekangan-kekangan yang dihadapi oleh para guru.





1.5 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif khusus kajian berdasarkan kepada tujuan kajian ini. Objektif-objektif tersebut adalah seperti berikut:

1.5.1 Menentukan perbezaan skor min antara jantina, pengkhususan dan tempoh perkhidmatan guru terhadap kekangan masa, keupayaan dan prasarana dalam menggunakan bahan sumber KBAT di sekolah.

1.5.2 Menentukan perbezaan yang signifikan dalam kekangan masa, keupayaan dan prasarana terhadap penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah berdasarkan jantina, pengkhususan dan tempoh perkhidmatan guru.

1.5.3 Mengetahui hubungan yang signifikan antara tempoh perkhidmatan guru dengan kekangan masa, keupayaan dan prasarana dalam penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah.

1.6 Soalan Kajian

Seterusnya, soalan kajian dibina bagi mencapai objektif dan tujuan kajian ini. Soalan-soalan tersebut adalah seperti berikut:





- 1.6.1 Adakah terdapat perbezaan dalam skor min antara jantina, pengkhususan guru dan tempoh perkhidmatan terhadap kekangan masa, keupayaan dan prasarana dalam menggunakan bahan sumber KBAT di sekolah?
- 1.6.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam kekangan masa, keupayaan dan prasarana terhadap penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah berdasarkan jantina, pengkhususan dan tempoh perkhidmatan guru?
- 1.6.3 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tempoh perkhidmatan guru dengan kekangan masa, keupayaan dan prasarana dalam penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah?

1.7 Hipotesis Kajian



Hipotesis kajian dibina berdasarkan soalan- soalan kajian. Hipotesis-hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kekangan masa terhadap penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah berdasarkan jantina guru.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kekangan keupayaan terhadap penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah berdasarkan jantina guru.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kekangan prasarana terhadap penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah berdasarkan jantina guru.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kekangan masa terhadap penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah berdasarkan pengkhususan guru.





Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kekangan keupayaan terhadap penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah berdasarkan pengkhususan guru.

Ho6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kekangan prasarana terhadap penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah berdasarkan pengkhususan guru.

Ho7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kekangan masa terhadap penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah berdasarkan tempoh perkhidmatan guru.

Ho8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kekangan keupayaan terhadap penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah berdasarkan tempoh perkhidmatan guru.

Ho9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kekangan prasarana terhadap penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah berdasarkan tempoh perkhidmatan




Ho10: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tempoh perkhidmatan guru dengan kekangan masa dalam penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah.

Ho11: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tempoh perkhidmatan guru dengan kekangan keupayaan dalam penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah.

Ho12: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tempoh perkhidmatan guru dengan kekangan prasarana dalam penggunaan bahan sumber KBAT di sekolah.



1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka kajian di atas adalah hasil adaptasi daripada Teori Kekangan untuk Pendidikan yang diasaskan oleh Goldratt (1990). Teori tersebut digabungkan dengan faktor demografi seperti jantina guru, pengkhususan guru dan tempoh perkhidmatan. Teori ini dipilih kerana ianya bersesuaian dengan tujuan kajian, iaitu untuk mengetahui perbezaan dari segi faktor demografi terhadap kekangan yang dihadapi oleh para guru dalam menggunakan bahan sumber KBAT di sekolah agar langkah penambahbaikan dapat diambil bagi memurnikan lagi pelaksanaan yang sedia ada dan juga hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut. Selain itu, teori ini juga dipilih kerana ianya bersesuaian dengan konstruk yang terdapat dalam pemboleh ubah bersandar yang merangkumi kekangan fizikal dan kekangan bukan fizikal seperti mana yang dikelaskan oleh Goldratt (1990) dalam teori ini. Kekangan fizikal dalam kajian ini adalah terdiri daripada kekangan prasarana di sekolah dan sumber kewangan.